

BAB IV

MASALAH DAN SUMBER KEWANGAN SISWA

Bab yang lepas telah meneliti latarbelakang kedudukan sosio-ekonomi pelajar India yang dikaji. Jadi, seterusnya, dalam bab ini, akan diteliti pula masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang menjadi sampel kajian ini.

4.1 Masalah Pelajar

Dari 70 responden hampir 75% mengalami masalah kewangan ketika bersekolah. 50% mengatakan bahawa ketika menerima tawaran kemasukan ke universiti, mereka mula berfikir samada hendak menerima atau tidak tawaran tersebut. Ini adalah kerana jumlah kos pembiayaan universiti kelak telah menimbulkan rasa bimbang terhadap mereka. Terdapat di kalangan mereka yang menolak tawaran universiti dan ingin atau sanggup memasuki Maktab Perguruan. Setiap bulan mereka akan diberikan elaun untuk membiayai perbelanjaan pendidikan di maktab oleh Kementerian Pendidikan. Hakikatnya, ramai di antara pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan tinggi tetapi serba kekurangan dari segi kedudukan ekonomi memilih Maktab Perguruan bukannya universiti.

Di samping itu, masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak keluarganya menyebabkan para pelajar tidak berupaya untuk membeli buku-buku tambahan. Akibatnya pencapaian pendidikan mereka merosot.

Selain daripada masalah kewangan, masalah keluarga juga mempengaruhi pengajian mereka. Keadaan keluarga yang terdesak memaksa pelajar-pelajar memasuki dunia pekerjaan. Maka, boleh dibuat simpulan bahawa ini adalah salah satu fakta yang dapat menjelaskan soal mengapa sebilangan pelajar menolak tawaran kemasukan ke universiti.

Tinjauan ini menggambarkan bahawa masalah-masalah kewangan, keluarga dan peribadi telah mempengaruhi pencapaian akademik. Implikasinya, kadar penyertaan orang India dalam bidang pendidikan menjadi lebih rendah.

4.2 Sumber Kewangan

Responden-responden yang berasal dari keluarga kelas rendah tidak mendapat sebarang bantuan kewangan dari mana-mana pihak ketika belajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Jika mereka ingin melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian tinggi, maka mereka amat memerlukan bantuan badan-badan tertentu. Tanpa bantuan dari badan biasiswa dan pinjaman tidak dapat menamatkan pengajian

Di samping itu, masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak keluarganya menyebabkan para pelajar tidak berupaya untuk membeli buku-buku tambahan. Akibatnya pencapaian pendidikan mereka merosot.

Selain daripada masalah kewangan, masalah keluarga juga mempengaruhi pengajian mereka. Keadaan keluarga yang terdesak memaksa pelajar-pelajar memasuki dunia pekerjaan. Maka, boleh dibuat simpulan bahawa ini adalah salah satu fakta yang dapat menjelaskan soal mengapa sebilangan pelajar menolak tawaran kemasukan ke universiti.

Tinjauan ini menggambarkan bahawa masalah-masalah kewangan, keluarga dan pembadi telah mempengaruhi pencapaian akademik. Implikasinya, kadar penyertaan orang India dalam bidang pendidikan menjadi lebih rendah.

4.2 Sumber Kewangan

Responden-responden yang berasal dari keluarga kelas rendah tidak mendapat sebarang bantuan kewangan dari mana-mana pihak ketika belajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Jika mereka ingin melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian tinggi, maka mereka amat memerlukan bantuan badan-badan tertentu. Tanpa bantuan dari badan biasiswa dan pinjaman tidak dapat menamatkan pengajian

mereka.

Badan-badan biasiswa/pinjaman yang memberi pinjaman kepada mahasiswa India Universiti Malaya ialah Malaysian Indian Education Department (MIED), National Land Finance Co-operation Sdn. Bhd. (NLFCO), Education Welfare, Research Fund (EWRP) dan Badan Biasiswa/Pinjaman Negeri.

Badan-badan yang disebutkan di atas yang semuanya memberi pinjaman dan bukannya biasiswa. Majoriti daripada mahasiswa India di Universiti Malaya mendapat pinjaman dari MIED dan NLFCO. Tidak boleh nafikan juga peranan Bahagian Kewangan Universiti Malaya. Di mana mereka menghulurkan 'pinjaman varsiti' kepada pelajar-pelajar India yang tidak menerima sebarang sumber pinjaman.

Tetapi apa yang dapat diperhatikan di sini ialah bahawa pinjaman yang diperolehi oleh pelajar-pelajar India bukanlah dalam amaun yang besar. Malah, dalam kuantiti yang kecil, umpamanya pembiayaan perbelanjaan adalah lebih dari \$3,000 setahun. Namun begitu, amaun yang ditawarkan oleh badan-badan seperti MIED, NLFCO, EWRP dan Pinjaman Negeri adalah sejumlah \$1,000 hinggalah \$1,500 setahun.

Ini bermakna seorang mahasiswa India terpaksa mengharapkan lebih daripada satu tawaran pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pengajiannya. Di samping itu, dari kajiannya didapati, pelajar India yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan (KP) adalah amat rendah bilangannya.

Selain dari itu, dapat diperhatikan juga sebilangan pelajar menerima tawaran biasiswa dari badan-badan swasta yang lain seperti syarikat Shell, Petronas, Intel, Tamura Electronics Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi.

Jadual 4.1

Bilangan Siswa Yang Menerima Pinjaman/Biasiswa Dan Yang Menerima Pinjaman Lebih Dari Satu Badan Kewangan

Fakulti	Pinjaman	Biasiswa	Pinjaman lebih daripada 1
Sastera	20	-	17
Ekonomi	11	4	8
Undang-undang	1	4	-
Sains	12	3	2
Kejuruteraan	-	5	-
Pergigian	-	5	-
Perubatan	-	5	-
Jumlah Responden	44	26	27 (39%)

Jadual 4.1, menjelaskan bahawa dari 70 responden yang

dikaji sebahagian besar menerima pinjaman. Namun, 39% daripada keseluruhan responden menerima lebih dari satu pinjaman dari badan-badan pinjaman tersebut.

Biasanya, siswa yang menerima biasiswa adalah siswa yang membuat kursus kejuruteraan, pergigian, perubatan dan undang-undang. Hal ini memperlihatkan bahawa siswa-siswi Fakulti Sastera, Ekonomi dan Sains agak sukar untuk memperolehi biasiswa.

4.3 Kesimpulan

Berdasarkan dari apa yang telah dibincangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa ramai di antara pelajar masih menghadapi masalah walaupun mereka di peringkat universiti. Masalah yang mereka hadapi ini sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka. Justeru itu, masalah kewangan merupakan suatu masalah yang besar di sepanjang zaman persekolahan mereka. Maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa ia merupakan suatu faktor penentu bagi tahap pencapaian pendidikan.